


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-11	Hud	123	10	Makkiyyah	Ke-52	8



Zaman Diturunkan Surah Dan Latar belakangnya

Surah Hud diturunkan bersama-sama Surah Yunus di zaman pertengahan bahagian ke empat dan terakhir kehidupan Rasulullah s.a.w. di Madinah. Zaman terakhir kehidupan Rasulullah s.a.w. bermula dari tahun ke-11 Kenabian hingga ke tahun 13 Kenabian, bagaimanapun Surah Hud berkemungkinan besar diturunkan pada tahun 12 Kenabian, itulah zaman di mana Rasulullah s.a.w. dituduh dengan pelbagai tuduhan, seruan Baginda dipandang dengan penuh keraguan dan kesangsian, al-Qur'an dikatakan sihir yang nyata.

Ciri-Ciri Khusus Surah

1. Surah Hud merupakan surah yang menyatakan sifat jalal Allah, di dalamnya disebutkan bagaimana Allah memurkai bangsa-bangsa yang derhaka, berdosa dan melampaui batas dan bagaimana Allah membinasakan mereka, surah ini telah membuatkan Rasulullah s.a.w. menjadi tua.
2. Di dalam paragraf pertama dan terakhir surah ini terdapat ayat yang menuntut manusia supaya mentauhidkan ibadat kepada Allah semata-mata (توحيد عبادة) (Ayat: 2 dan ayat: 123).
3. Surah ini juga menerangkan bagaimana Allah melaksanakan sunnahNya dalam membinasakan bangsa-bangsa dan sunnahNya dalam menggantikan mereka dengan yang lain, bahawa Allah membinasakan bangsa-bangsa setelah memberikan sedikit masa dan peluang kepada mereka, pada ketika itu Dia menyelamatkan orang yang baik-baik dan untuk memimpin dunia pula dibawakan umat yang lain sebagai gantinya.
4. Dari segi nazm (struktur makronya), Surah Hud menyerupai Surah al-A'raaf, kedua-duanya mempunyai lapan paragraf, di dalamnya terdapat pendahuluan dan penutup, di antara pendahuluan dan penutupnya pula terdapat kisah enam kaum yang dibinasakan secara berturut-turut dalam sejarah kemanusiaan.
5. Apa yang berbeza ialah di dalam surah ini terdapat seruan para nabi kepada umat masing-masing supaya mereka bertaubat dan beristighfar, supaya mereka terhindar daripada kemurkaan Allah.

Kelebihan Surah

Rasulullah s.a.w. bersabda: {إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ} و {عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ} و {عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ} (Surah an-Naba') dan {إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ} (Surah at-Takwir) telah membuatkan aku beruban (menjadi tua)" – Jami' At-Tirmizi, Kitab Tafsir, Bab Surah al-Waqi'ah, Hadits ٣٢٩٧. Ia adalah satu hadits sahih.

Perkaitan Surah Hud Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Berbagai-bagai dalil telah diberikan di dalam Surah Yunus sebagai menyempurnakan hujjah

kepada orang-orang yang tidak percaya kepada keesaan tuhan (tauhid), kerasulan Muhammad s.a.w. dan juga hari akhirat. Di dalam Surah Hud ini, Allah mengemukakan enam peristiwa yang benar-benar telah berlaku dalam sejarah, di mana Allah membinasakan orang-orang yang kafir dan menyelamatkan orang-orang yang beriman sebagai menyempurnakan hujjah dari pihakNya.

2. Hujjah yang lengkap kepada orang-orang yang berada dalam keraguan.

Di dalam Surah Yunus sebelum ini tersebut bahawa al-Qur'an adalah kalam رب العالمين yang suci daripada segala bentuk keraguan (Ayat: 37). Ketika menyatakan kesalahan orang-orang musyrikin Mekah, dikatakan mereka juga berada dalam keraguan (Ayat: 94). Di dalam ayat 104 surah yang sama dikemukakan dalil kepada orang-orang yang ragu bahawa Tuhan yang mematikan manusia sahaja yang layak disembah. Di dalam Surah Hud dikemukakan bukti sejarah bahawa kaum Tsamud juga pernah berada dalam keraguan (Ayat: 62). Fir'aun dan pengikut-pengikutnya juga terperangkap dalam penyakit yang sama. (Ayat: 110).

3. Cabaran kepada kaum musyrikin Quraisy kerana menuduh Nabi s.a.w. mengada-adakan al-Qur'an.

Di dalam Surah Yunus orang-orang musyrikin dicabar bahawa kalau kamu mengatakan al-Qur'an ini bukan kalam Allah dan ia hanya rekaan Muhammad, maka kamu dicabar supaya membawa hanya satu saja surah seumpamanya sebagai bukti kebenaran kamu (Ayat: 38) dan di dalam Surah Hud ini pula mereka dicabar bahawa jika kamu menuduh Muhammad berdusta kerana mengatakan al-Qur'an itu kalam Allah padahal ia tidak lebih daripada rekaannya semata-mata, maka kamu dicabar supaya membawa 10 surah seumpamanya jika kamu benar dalam da'waanmu itu. (Ayat: 13).

4. Jawapan kepada tuduhan sihir.

Di dalam Surah Yunus dinyatakan bahawa orang-orang musyrikin Mekah telah menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai tukang sihir kerana Baginda menyampaikan berita gembira dan ancaman menerusi ayat-ayat al-Qur'an (Ayat: 2). Sikap mereka tak ubah seperti sikap Fir'aun dan pembesar-pembesar negaranya yang menuduh mu'jizat yang diberikan kepada Musa a.s. sebagai sihir yang nyata (Ayat: 76). Di dalam Surah Hud dinyatakan bahawa orang-orang musyrikin Mekah telah menuduh kepercayaan kepada akhirat yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai sihir yang nyata, mereka tidak dapat menerima manusia setelah mati akan dibangkitkan kembali. (Ayat: 7).

5. Di dalam Surah Yusuf akan datang diberikan berita gembira kepada orang-orang yang bersabar dalam menghadapi kesukaran hidup, bahawa orang-orang yang beriman akan berjaya menghadapi tipu daya pihak yang menipu dan membuat perancangan jahat, orang-orang yang beriman juga akhirnya akan diberikan kekuasaan dan kemenangan.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Berkali-kali tauhid ibadat dituntut di dalam Surah Hud, semua para nabi menyeru manusia supaya beribadat hanya kepada Allah.

(a) Rasul terakhir Muhammad s.a.w. dengan jelas berkata bahawa janganlah kamu sembah selain Allah, aku hanya pengancam dan pembawa berita gembira daripada Allah (Ayat: 2).

﴿أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي لَكُمْ مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ﴾

Perkara ini tersebut di permulaan Surah Hud dan juga di penghujung surah. Dengan perkataan فَاعْبُدْهُ Rasulullah s.a.w. diperintah supaya mentauhidkan ibadat dan mentauhidkan tawakkal (Ayat: 123).

﴿وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأُمُورُ كُلُّهَا فَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ﴾

(b) Nabi Nuh a.s. juga membawa seruan yang sama, bahawa jangan kamu sembah selain Allah, aku takut kamu ditimpa azab yang pedih jika kamu menyembah selain Allah (Ayat: 26).

﴿أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ﴾

(c) Nabi Hud a.s. juga menyeru kaumnya dengan seruan yang sama, bahawa janganlah kamu menyembah selain Allah, tidak ada tuhan yang layak disembah selain Allah. kamu hanyalah orang-orang yang mengada-adakan perkara-perkara yang dusta (terhadap Allah). (Ayat: 50).

﴿قَالَ يَتْلُمُونَ عَبْدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ﴾

(d) Nabi Shaleh a.s. juga membawa seruan yang sama kepada kaum Tsamud, bahawa janganlah kamu menyembah selain Allah, tidak ada tuhan yang lain yang layak disembah selainNya. (Ayat: 61).

﴿وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَتْلُمُونَ عَبْدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ﴾

(e) Nabi Syu'aib a.s. juga membawa seruan yang sama kepada kaumnya, bahawa jangan kamu sembah selain Allah, tidak ada siapa pun yang layak disembah selainnya (Ayat: 84).

﴿وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَتْلُمُونَ عَبْدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ﴾

2. Surah Hud menyatakan bangsa-bangsa yang bersalah boleh selamat daripada dibinasakan jika mereka beristighfar (memohon keampunan kepada Allah).

Para nabi menceritakan kepada kaum yang berdosa dan derhaka bahawa mereka boleh terhindar daripada azab Allah dan dibinasakan sekiranya mereka bertaubat dan beristighfar kepada Allah.

(a) Orang-orang kafir Quraisy Mekah diseru supaya beristighfar dan dinyatakan kelebihan dan faedah

taubat serta istighfar, bahawa mereka akan diberikan peluang untuk menikmati kehidupan hingga ke suatu masa yang ditentukan dan mereka tidak akan dibinasakan. Allah akan memberikan ganjaran sesuai dengan kebaikan yang dibuat oleh setiap orang manusia (Ayat: 3).

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتْنَعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ

(b) Nabi Nuh a.s. juga pernah menyeru kaumnya supaya beristighfar, di dalam doanya Nuh pernah berkata: “Jika engkau tidak mengampuni dan mengasihani nescaya aku termasuk di kalangan orang-orang yang rugi”. (Ayat: 47). Doa Nabi Adam a.s. juga lebih kurang begitu.

(c) Nabi Hud a.s. juga menyeru kaumnya yang durjana, sombong, zalim dan keras kepala supaya beristighfar, Baginda juga menyatakan kelebihan-kelebihan istighfar, bahkan Nabi Hud mengatakan kamu akan dihujani hujan rahmat jika bertaubat dan beristighfar, kamu juga akan diberi kekuatan tambahan daripada sebelumnya jika kamu bertaubat dan beristighfar. Nabi Hud pernah berkata (Ayat: 52).

وَيَقُومَ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلَ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

(d) Nabi Shaleh a.s. juga menyeru kaumnya yang musyrik iaitu kaum Tsamud supaya beristighfar kepada Allah dengan meninggalkan syirik dan memilih aqidah tauhid yang suci murni. Allah yang Maha dekat (قَرِيبٌ) lagi Maha menerima taubat (مُجِيبٌ). Dia mendengar seruan manusia, Dia mendengar doa-doa manusia dan Dia juga boleh memaaf dan mengampunkan manusia yang bersalah. Kata Shaleh (Ayat: 61).

فَاسْتَغْفِرُوا لَهُ ثُمَّ تُوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

(e) Nabi Syu'aib a.s. juga menyeru kaumnya penduduk Madyan yang buruk pekerti, banyak melakukan dosa dan jahat supaya beristighfar kepada Allah, mereka selalu menipu dalam jual beli dengan mengurangkan timbangan dan sukatan, selain itu mereka juga mencuri dan merompak serta melakukan kerosakan di muka bumi. Katanya: “Allah Maha penyayang (رَحِيمٌ). Dia juga Maha pengasih (وَدُودٌ)”, Allah s.w.t. menghikayatkan seruan Syu'aib itu di dalam firmanNya (Ayat: 90).

وَاسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ ﴿٩٠﴾

3. Orang-orang musyrikin Mekah yang ragu terhadap apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad diingatkan bahawa umat-umat nabi yang lalu juga telah disiksa dan dihukum Allah kerana keraguan dan kesangsian mereka terhadap ajaran yang dibawa oleh para nabi.

(a) Kaum Tsamud telah meragui da'wah yang disampaikan oleh Nabi Shaleh (Ayat: 62).

قَالُوا يَصْلِحْ قَدْ كُنْتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَذَا أَتَنْهَانَا أَنْ نَعْبُدَ مَا يَعْبُدُ آبَاؤُنَا وَإِنَّ لَنَا فِي شَاكٍ مِمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ مُرِيبٌ ﴿١١٠﴾

(b) Kaum Musa telah meragui da'wahnya (Ayat: 110).

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَآخُذْ بِهِ وَلَا تَوَلَّوْا كَلِمَةً سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَقُضَى بَيْنَهُمْ وَإِنَّهُمْ لَفِي شَكٍّ مِنْهُ مُرِيبٌ ﴿١١١﴾

4. Orang-orang musyrikin menuduh Rasulullah s.a.w. membuat al-Qur'an, mereka meragui al-Qur'an sebagai kalam Allah, lalu mereka dicabar bahawa kalau kamu benar dalam tuduhanmu maka kamu boleh meminta pertolongan dan bantuan sekalian makhluk untuk menciptakan sepuluh surah seperti surah-surah al-Qur'an.

(a) (Ayat: 13).

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِثْلِهِ مُفْتَرِيَاتٍ وَادْعُوا مَنِ اسْتَضَعْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ

(b) Allah menceritakan bahawa orang-orang musyrikin Mekah menuduh nabi Muhammad mereka al-Qur'an dan Baginda disuruh supaya berkata (Ayat: 35).

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ إِنْ افْتَرَيْتُهُ فَعَلَىٰ إِجْرَامِي وَأَنَا بَرِيءٌ مِمَّا تُجْرِمُونَ ﴿٣٥﴾

5. Hak-hak asasi manusia untuk memilih agama diterima di dalam Surah Hud melalui lidah Nabi Nuh. Allah berfirman: "Bukti yang terang dari tuhanku ada padaku, aku mendapat rahmat dan hidayat daripadanya. Tetapi kalau kamu terus mahu menjadi buta maka aku tidak akan memaksakan seruanmu kepada kamu dalam keadaan kamu tidak inginkannya" (Ayat: 28).

قَالَ يَقَوْمِ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِنْ رَبِّي وَآتَانِي رَحْمَةً مِنْ عِنْدِي فَعُمِّيَتْ عَلَيْكُمْ أَنُلْزِمُكُمْوهَا وَأَنْتُمْ لَهَا كَاهُونَ ﴿٢٨﴾